



**Dr Halimah
Badioze Zaman**

BARU-BARU ini, sebuah kumpulan kerja sumber tenaga teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kebangsaan menyediakan kerangka pembangunan modal insan ICT yang antara lain menyarankan penubuhan badan profesional ICT kebangsaan. Fungsinya bagi mempromosi perkembangan profesional pengamal ICT, mempromosi dan menjenamakan semula ICT sebagai kerjaya pilihan yang boleh diiktiraf pada peringkat kebangsaan serta global.

Kumpulan kerja itu dianggotai pakar dan ahli profesional ICT seperti ahli akademik diwakili Majlis Profesor Negara, Majlis Dekan-Dekan ICT (MADICT) dan ahli pengamal dari Malaysian National Computer Confederation (MNCC), Persatuan Teknologi Maklumat Malaysia (MITS), MDeC, Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM), MIMOS dan MDeC, menyarankan penubuhan Lembaga Pengkomputeran Profesional Malaysia (BCPM).

Cadangan ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet, 8 Mac tahun lalu.

Penubuhan BCPM iktiraf bidang

Hasrat mewujudkan lembaga ini adalah usaha murni untuk membantu negara membina kualiti tenaga kerja, mengurangkan keperluan tenaga asing dan membangunkan infrastruktur berasaskan pengetahuan. Ini selaras dengan hasrat penubuhan Model Baru Ekonomi (MBE) yang ingin dicapai melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk memenuhi aspirasi Wawasan 2020.

Deraf ringkas rang undang-undang penubuhan BCPM yang dibuka kepada orang awam untuk mendapatkan maklum balas, dibantah secara lantang sekumpulan sektor industri ICT tempatan dan disokong sebuah parti politik di negara ini. Sebaliknya, ramai ahli profesional dan pengamal ICT lain menyepi, kononnya ini tanda memihak kepada penubuhan lembaga.

Malaysia masih dilihat sebagai negara tidak memberi penekanan cukup terhadap ICT, walaupun banyak usaha berani dilakukan kerajaan seperti penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), MDeC dan MIMOS serta penubuhan Taman Teknologi dan NITC, berbanding negara lain. Bagaimanapun, banyak lagi yang perlu dilakukan bukan saja oleh kerajaan tetapi swasta, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat.

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Pembangunan ICT (ITU) jatuh dari tangga ke-50 pada 2002 kepada kedudukan ke-56 pada 2008. Begitu juga dalam Indeks

Kesediaan⁴ Negara Dalam Ekonomi Digital, Malaysia menduduki tangga ke-36 dengan nilai purata 5.93/10 berbanding negara jiran, Singapura yang menduduki tangga kelapan dengan nilai purata 8.28/10. Untuk mendapat skor memuaskan, sesebuah negara perlu memperoleh sekurang-kurangnya skor tujuh ke atas bagi setiap kategori yang dinilai.

Malaysia juga masih dilihat sebagai negara pengguna dan bukan negara pengeluar produk ICT. Untuk menjadi negara pengeluar produk ICT, banyak petanda yang kita masih belum penuhi. Contohnya, kita perlu meningkatkan kualiti produk ICT dan menambah bilangan hak cipta (paten) hasil inovasi negara. Kini, jumlah paten yang dikeluarkan masih terlalu rendah (hanya 230 paten setahun), berbanding negara lain seperti Taiwan (lebih 9,202), Korea (lebih 11,811) dan Jepun (lebih 44,893).


Untuk menjadi negara pengeluar ICT, Malaysia perlu menghasilkan sekurang-kurangnya 1,000 paten pada 2020. Dari segi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, industri ICT kini menyumbang 9.8 peratus dan Malaysia perlu meningkatkan sumbangan KDNK sekurang-kurangnya 20 peratus, begitu juga dari segi perbelanjaan R&D.

Kini, perbelanjaan dalam R&D, hanya 0.6 peratus daripada KDNK negara, sementara Taiwan dan Korea masing-masing membelanjakan lebih tiga peratus KDNK

g ICT tempatan ke tahap profesional

B/H 5/3/11 Mas 8-9.

● GAMBAR HIASAN



DUNIA ICT semakin penting dalam kehidupan seharian kita termasuk bidang pendidikan.

dan dijangka meningkat kepada lima peratus tahun depan. Untuk menjadi negara pengeluar ICT, Malaysia perlu meningkatkan perbelanjaan R&D sekurang-kurangnya kepada tiga peratus pada 2020.

Keadaan muram ini tidak membantu jika dilihat nasib bidang ICT di negara ini yang masih tidak diiktiraf sebagai bidang kerjaya profesional seperti kejuruteraan, perubatan, undang-undang dan seni bina.

Berbeza dengan bidang ini di luar negara seperti di United Kingdom dan Amerika Syarikat, bidang ini dikawal pelbagai badan seperti British Computer Society (UK) dan UK Accreditation Service (UKAS) serta Association for Computing Machinery (USA).

Kedua-duanya juga adalah ahli Seoul Accord yang mengawal piawai dan pensijilan pengkomputeran dan tekno-

logi maklumat pada peringkat dunia seperti Washington Accord untuk bidang kejuruteraan. Saya bernasib baik dapat berbincang pada 17 Februari lalu, dengan seorang Penasihat Seoul Accord, Prof Dr Kim Dong Yoon, yang ketika itu berada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil perbincangan kami, menunjukkan Malaysia mempunyai potensi amat baik untuk menjadi ahli Seoul Accord. Kita perlu bertindak segera dan hanya perlu mewujudkan platform yang sesuai. Sememangnya penubuhan BCPM dapat merealisasikan ini.

Kewujudan BCPM bukan saja membolehkan Malaysia menjadi ahli Seoul Accord, yang dapat mengiktiraf keprofesionalan pakar dan pengamal pengkomputeran dan teknologi maklumat negara pada peringkat antarabangsa. Ia memberikan mereka peluang lebih baik berkerja sendiri atau di syarikat terkemuka dalam ataupun luar negara.

Pada permulaan ini, pergawalan adalah pada projek tahap Critical National Information Infrastructure (CNII) saja. Ini bermakna, ramai (dari industri ICT bentuk kecil-kecilan) tidak terikat dengan rang undang-undang yang diusahakan ini - perniagaan seperti biasa bagi mereka. Tetapi tidak mustahil, kewujudan mekanisme ini dalam negara memberi peluang kepada usahawan industri kecil ini untuk satu hari menjadi usahawan industri besar yang menyum-

bang kepada projek CNII dan menjadi ahli pengamal berdaftar dengan BCPM.

Mungkin BCPM tidak perlu wujud di negara lain, tetapi BCPM unik untuk Malaysia dan perlu wujud bagi meningkatkan bidang ICT ke tahap kerjaya profesional. BCPM tidak akan menyekat kreativiti dan inovasi seperti disalah anggap oleh ramai yang tidak faham. Bill Gates dan mendiang Steve Jobs (kedua-duanya unik dari segi bakat, tidak mempunyai kelayakan dalam bidang pengkomputeran), tetapi kedua-duanya amat mementingkan kecemerlangan dan pengiktirafan dalam bidang pengkomputeran dan teknologi maklumat bagi tenaga kerja yang ingin bekerja dengan mereka.

Saya percaya dengan BCPM, lebih banyak inovasi kreatif dan berkualiti akan terhasil kerana mereka berhak akan mendapat pengiktirafan sewajarnya.

Jadi, kepada semua yang terbabit dalam industri pengkomputeran dan teknologi maklumat, mari kita berfikir secara global, bertindak lokal. Berikan sokongan padu terhadap penubuhan BCPM supaya dapat kita bersama-sama memprofesionalkan bidang yang menjadi pemacu penting bagi transformasi ekonomi negara dalam era ekonomi digital global ini.

PENULIS ialah Ketua KLuster ICT, Majlis Profesor Negara